

02/04/1997

Dr M, Goh akan rasmi jambatan

Saodi Mat Atar

GELANG PATAH, Selasa - Pembinaan laluan kedua Malaysia-Singapura berjalan lancar bagi membolehkan Perdana Menteri kedua-dua negara menyempurnakan upacara mencantumkan jambatan itu yang menghubungkan Tuas di Singapura dan Tanjung Kupang di sini, Julai depan.

Kerja pembinaan jambatan hampir dua kilometer itu kini mencapai tahap 86 peratus, manakala lebuh raya yang menghubungkannya ke Johor Bahru sudah hampir siap.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, yang melawat kawasan pembinaan itu pagi ini berpuas hati dengan kerja pembinaan yang mengikut jadual dan dijangka digunakan menjelang hujung tahun ini.

Bagaimanapun, beliau menyerahkan kepada Kabinet untuk menentukan mereka yang akan melakukan upacara bersejarah meletakkan percantuman di antara jambatan sebelah Johor dan Singapura.

"Terpulang kepada Kabinet untuk menentukan siapa yang akan menyempurnakan upacara itu. Yang saya diberitahu ialah upacara itu akan diadakan Julai depan," katanya selepas tiga jam menghabiskan masa di kawasan pembinaan itu.

Sebelum ini, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman ketika mengakhiri lawatan pertamanya ke Singapura Februari lalu mengumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong akan diberi penghormatan menyempurnakan upacara itu.

Majlis itu mungkin yang pertama menemukan kedua-dua pemimpin selepas berlaku ketegangan hubungan Malaysia-Singapura akibat pendedahan kenyataan menghina Johor oleh Menteri Kanan republik itu, Lee Kuan Yew, bulan lalu.

Samy Vellu berkata, semua kerja pembinaan dalam pakej projek laluan kedua itu termasuk bangunan kastam, imigresen dan kuarantin juga berjalan lancar selain penyediaan tempat tinggal kakitangan agensi terbabit.

"Semua infrastruktur lain seperti sistem perparitan, kerja menurap jalan dan lanskap hanya tinggal kira-kira 20 peratus untuk siap manakala pembinaan sekolah rendah dan menengah akan disiapkan tahun depan," katanya.

Projek itu dimajukan Linkedua (Malaysia) Bhd, anak syarikat United Engineers (M) Bhd (UEM) yang mendapat hak merekabentuk, membina, mengurus dan menyelenggaranya bagi tempoh 30 tahun sejak 1993.

Dalam lawatan itu Samy Vellu mendengar taklimat dari Pengarah Projek, Wavell Herbert. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Yahya Yaacob; Ketua Pengarah Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM), Datuk Chua Soon Poh; dan Pengerusi Linkedua, Tun Haniff Omar.

Samy berkata, semua pembinaan komponen utama termasuk jambatan dan lebuh raya selepas kompleks imigresen, kastam dan kuarantin dijangka dapat disiapkan pada bulan Oktober.

Menurutnya, pengguna dari Singapura akan dikenakan tol selepas melalui kompleks pemeriksaan manakala pengguna dari Utara sebelum memasuki kompleks itu.

"Saya akan membawa kadar tol ini untuk pertimbangan Kabinet sebelum diumumkan pada September depan. Kadar tol ini dibuat berdasarkan perkiraan tertentu dan mampu dibayar pengguna," katanya.

(END)